

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Pertanyaan dari:

Ibrahim bin Husin,

Padang Rengas,

Perak.

Seorang mencuri seekor kambing, lalu kambing itu disembelihnya secara Islam. Bolehkah ia memakan daging kambing curi yang disembelihnya secara Islam itu?

Jawab

Mencuri itu adalah suatu perbuatan yang sangat dilarang oleh hukum syarak lagi diharamkan. Mencuri itu bererti mengambil hak orang lain dijadikan milik kepunyaan orang yang mencuri itu. Menurut undang-undang Islam hak orang yang telah diambil itu wajiblah dikembalikan kepada yang punya. Kalau hak orang lain itu sudah diambil dengan jalan yang haram, seperti mencuri, menipu, merompak dan sebagainya, maka barang-barang itu sudah dikira barang yang haram; bila barang itu haram, maka haram pulalah dimakan. Kerana barang-barang curi, rompak dan tipu itu diambil dengan cara yang tidak halal atau secara batil. Berhubung dengan perkara ini Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* telah berfirman di dalam sūrah Al-Baqarah ayat (188):

“Wa lā tu’kulū amwālakum baynakum bi al-bāṭil”

Ertinya: Dan janganlah kamu makan harta orang-orang dari antara kamu dengan jalan yang tidak halal (batil).

Ayat di atas dikuatkan oleh suatu hadith Nabi yang diriwayatkan oleh *Al-Imām* Bukhari dan Muslim yang berbunyi:

“ ‘An Rāfi‘ ibn Khadīj qāla: kunnā ma‘a Rasūl Allāh ‘alayhi wa sallam bi dhi al-ḥalīfah min tihāmah, fa aṣbanā ghanimā wa ibilā fa ja‘ala al-qawm fa ‘aghilū bihā al-quḍūr fa ‘mur bihā fa kafa‘ta thumma ‘adlu ‘asharā min al-ghanam bi juzūr.”

Ertinya: “Dari Rāfi‘ ibn Khadīj ia berkata: Adalah kami bersama Rasulullah (S.A.W) di Zulhalifah dari Tihamah. Maka kami dapat (barang-barang rampasan) kambing dan unta. Lalu dimasuk orang di dalam periuk. Maka Nabi (S.A.W) memerintah (supaya dituangkan periuk itu), lalu dituangkan orang, kemudian Baginda jadikan ganti seekor unta itu dengan sepuluh ekor kambing.”

Riwayat hadith di atas menerangkan, bahawa Nabi (S.A.W) menyuruh tuangkan periuk yang berisi daging unta itu ke tanah, lantaran dagingnya itu dari harta rampasan yang belum

dibahagi-bahagikan, sedangkan setiap barang-barang rampasan di dalam peperangan, kalau belum dibahagi-bahagikan, ia masih tetap menjadi hak kepunyaan Allah yang seorang pun tidak boleh mengambilnya. Jika daging rampasan yang dimasak itu halal, nescaya Nabi tidak suruh tuangkan periuknya itu.

Dari riwayat hadith tersebut juga, dapat kita faham, bahawa suatu barang yang belum lagi menjadi hak milik kepunyaan kita, tidak boleh kita pergunakan, apa lagi dimakan.

Oleh itu, setiap binatang orang yang kita curi, mahupun disembelih dengan secara Islam, maka tidaklah halal kita memakannya. Tidak halal bukan kerana sembelihannya, tetapi kerana binatang itu harta yang dicuri, tiap-tiap harta yang dicuri itu haram dimakan.

Untuk menguatkan keterangan di atas, maka dibawah ini kami bentangkan suatu hadith yang disabdakan oleh Rasulullah (S.A.W) yang diriwayatkan oleh Al-Hakim:

“Man nabata lahmahu min al-saḥat fa al-nār awlā bihi”

Ertinya: “Barangsiapa dagingnya terbit dari (jalan) yang haram, maka api nerakalah yang lebih utama baginya”

Maksudnya: Daging binatang yang didapati dengan jalan yang haram, umpamanya dengan jalan curi, maka haram pula dimakan. Barangsiapa yang memakannya maka jasadnya adalah lebih utama untuk dijadikan makanan api neraka di akhirat kelak.